

1046- AL-DARURAH SEBAGAI ASAS PENGGUNAAN GANJA DALAM PERUBATAN

ABDUL HAKIM BIN BAHARUDIN

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor
Email: abdulhakim@kuis.edu.my

ZAINI YUSNITA BINTI MAT JUSOH

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor
Email: zainiyusnita@kuis.edu.my

ZANARIAH BINTI DIMON

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor
Email: zanariah@kuis.edu.my

ASMA BINTI ABDUL HALIM

Pelajar Pascasiswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

ABSTRAK

Ganja merupakan sejenis dadah terlarang yang disenaraikan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952. Larangan penggunaan ganja meliputi semua produk yang diperolehi daripada tumbuhan cannabis sativa yang mengandungi kira-kira 540 bahan kimia. Di Malaysia, undang-undang telah mengharamkan penggunaan, pengedaran mahupun penanaman tumbuhan ganja yang membawa hukuman yang berat bagi mengelakkan kebarangkalian penyalahgunaannya. Namun begitu, terdapat kajian yang mendakwa ganja mampu membantu dalam rawatan penyakit tertentu seperti penyakit mental. Menurut perspektif syarak, sesuatu yang haram boleh digunakan dalam situasi darurat atau adanya keperluan. Dalil utama yang menjadi asas bagi prinsip darurat ialah firman Allah Taala dalam surah Al-Baqarah ayat 173 yang memberikan pengecualian terhadap makanan yang diharamkan dalam situasi terdesak untuk meneruskan hidup. Selain daripada aspek pemakanan yang menjamin kelangsungan hidup manusia, aspek perubatan juga penting dalam memelihara kesihatan manusia. Sumber ubatan yang wujud pada masa kini, tidak hanya terdiri daripada sesuatu halal, bahkan adakalanya dihasilkan daripada sumber-sumber yang haram dan terlarang. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui hakikat ganja serta fungsinya dalam perubatan dan prinsip darurat dalam Islam. Seterusnya dibincangkan hukum penggunaan ganja dalam perubatan menurut Islam berdasarkan prinsip darurat. Dengan pendekatan kajian kualitatif, maklumat dan data berkaitan ganja dan prinsip darurat dalam Islam diperolehi melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati ganja juga termasuk dalam bahan-bahan yang ditegah penggunaannya jika tiada keperluan yang mendesak. Namun, apabila adanya keperluan yang dapat dibuktikan kebaikannya dalam memberikan rawatan kesihatan, maka Syarak mengharuskannya sekadar memenuhi keperluan tersebut dan dalam masa yang perlulah mendapatkan keizinan daripada pihak berkuasa.

Kata kunci: *Ganja, Cannabis, Darurah, Penyakit Mental, Akta Dadah Berbahaya 1952*

PENDAHULUAN

Perdebatan tentang kesahan ganja dalam bidang perubatan di Malaysia menjadi hangat ekoran penahanan penyanyi dan lactic, Muhammad Yasin Sulaiman pada 21 Mac 2022. Dia telah didakwa atas kesalahan menanam 17 pokok ganja (cannabis) di dalam pasu lastic berisi tanah di rumahnya. Yasin menyatakan bahawa dia menggunakan ganja tersebut untuk merawat penyakit bipolar yang dideritainya. Berikutan dengan penahanan itu, pertuduhan dibuat mengikut seksyen 6B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut seksyen 6B(3) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman pemenjaraan seumur hidup atau sebatan tidak kurang daripada enam kali sebatan jika disabitkan kesalahan. Namun begitu, pada 6 Julai 2022 yang lalu, dia telah dilepaskan tanpa dibebaskan oleh mahkamah.

Masyarakat umum mempercayai bahawa ganja boleh memudaratkan kesihatan dan menyebabkan seseorang berkhayal. Walau bagaimanapun, ramai tidak mengetahui bahawa ganja juga mempunyai peranan yang penting dalam bidang perubatan di negara-negara tertentu. Malah kebelakangan ini, ganja telah digunakan secara meluas sebagai ubat dalam bidang perubatan. Terdapat kajian di luar negara yang mendapati bahawa ganja boleh meningkatkan selera makan orang yang menghadapi HIV dan mengurangkan kesakitan kronik serta kekejangan otot (McEwen J. A, 2007).

Ganja juga merupakan sejenis dadah yang diharamkan menurut hukum syarak kerana boleh menghilangkan akal. Asas pengharaman ini adalah berdasarkan dalil qias kepada hukum haram arak sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Oleh kerana dadah boleh memberikan kesan yang sama seperti arak bahkan mudarat yang lebih teruk, maka dadah dan arak berkongsi sebab (*'illah*) pengharaman yang sama. Namun begitu, terdapatnya keadaan dan situasi yang mengharuskan penggunaan sesuatu diharamkan oleh syarak disebabkan keperluan, terutamanya jika ia melibatkan penjagaan nyawa atau mengelakkan sesuatu mudarat. Justeru kajian ini akan membincangkan keharusan penggunaan ganja dalam perubatan berdasarkan konsep *al-darurah*.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kajian ini menfokuskan kepada konsep *al-darurah* dalam perbincangan fiqah dan manfaat ganja dalam perubatan. Selain itu, kajian ini juga akan membincangkan hukum penggunaan ganja menurut Islam berdasarkan pandangan hukum dadah secara umum oleh para ulama. Untuk itu, data diperolehi daripada sumber yang berkaitan seperti buku, artikel jurnal, laman sesawang pihak berautoriti dan laporan kajian berkaitan isu yang dibincangkan. Data yang diperolehi, dianalisis menggunakan pendekatan deduktif yang melibatkan teori *al-darurah* dan hukum penggunaan sesuatu yang haram dalam perubatan diaplikasikan ke atas penggunaan ganja.

KONSEP AL-DARURAH

Al-Darurah merupakan perkataan dalam Bahasa Arab yang bermaksud keperluan dan kepayahan. Manakala dari segi istilah oleh fuqaha ia dijelaskan sebagai, “sampainya satu had yang akan membinasakan atau menghampiri kebinasaan sekiranya tidak mengambil atau melakukan sesuatu yang dilarang” (Mustapha & Junoh, 2022). Secara khususnya, kebinasaan

yang berlaku sehingga menghilangkan nyawa atau anggota badan (Ismail et al., 2016). Dalam takrif yang lain, *al-darurah* bermaksud keperluan yang bersangatan dan mendesak kepada menyalahi hukum syarak. Dalam perbincangan maqasid syariah pula, ia dijelaskan sebagai perkara-perkara asas dan penting dalam kehidupan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan akal (Al-Yubi, 1998). Oleh itu, situasi darurat boleh timbul sekiranya terdapat ancaman kebinasaan ke atas lima perkara tersebut (Idris & Ramli, 2018).

Al Jizani (2005) berpandangan, terdapat dua perkara yang boleh dijelaskan daripada takrif *al-darurah* yang diberikan oleh fuqaha; yang pertama *al-darurah* termasuk dalam kelompok masalah dan merupakan masalah yang tertinggi dan yang kedua, ia menjadi salah satu sebab rukhsah. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya definisi *al-darurah* oleh para fuqaha terdahulu dan ulama semasa merangkumi aspek-aspek berikut (Mustapha & Junoh, 2022):

- Wujud kebimbangan berlakunya kebinasaan atau kemudharatan.
- Penilaian terhadap aspek daruriyyat iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.
- Skop *al-darurah* terhadap individu atau kelompok.
- Pengecaman darurat pada tahap yakin, ghalabah al-zan (sangkaan yang kuat) atau zan (sangkaan).
- Keharusan kepada melakukan perkara yang dilarang, meninggalkan yang wajib atau menangguhkannya pada waktu yang lain.

Ulama juga telah menetapkan parameter *al-darurah* yang membolehkan hukum-hakamnya diaplikasikan seperti pengguguran *taklif*, perubahan hukum (Mustapha, 2021) dan kebenaran mengambil rukhsah. Parameter tersebut adalah (Al-Jizani, 2005):

- Berlaku kemudharatan yang besar secara yakin atau sangkaan yang kuat.
- Tidak dapat menggunakan sesuatu yang harus untuk menghilangkan kemudharatan.
- Dapat ditentukan kadar kemudharatan.
- Dengan melihat kepada kesannya, melaksanakan hukum-hakam darurat tidak menimbulkan darurat lain yang setara atau lebih teruk.

Selain itu, tahap *al-darurah* telah dibahagikan tiga peringkat iaitu keadaan yang boleh menyebabkan kematian, kesempitan yang hampir kepada kematian dan peringkat keperluan (*al-hajah*) yang boleh berubah kepada *al-darurah* sebagaimana kaedah fiqah *al-hajah tanzilu manzilah al-darurah*. Menurut informan:

“Sebenarnya ada tiga kondisi ataupun tiga levellah yang membolehkan untuk seseorang tu makan atau ambil benda haram sebagai rawatan contohnya. Cuma macam mana kita nak tentukan darurat ataupun apa..darurat yang mati atau darurat yang kronik serta level ketiga iaitu keperluan *al-hajah* (Informan 1, USIM, 13/6/2023).

MANFAAT GANJA DALAM PERUBATAN

Tumbuhan kanabis mengandungi lebih daripada 460 jenis bahan kimia yang dinamakan cannabinoid. Tiga bahan kimia utama yang memberikan kesan kepada manusia dan mempunyai kepentingan perubatan ialah tetrahydrocannabinol (THC), cannabiniol (CBN) dan cannabidiol (CBD). THC mempunyai kesan psikoaktif. Didakwa dapat meningkatkan selera makan dan mengurangkan loya. Ia juga didakwa dapat mengurangkan kesakitan kronik bagi pesakit kanser, radang (inflammation-swelling and redness) dan masalah kawalan otot. CBN

juga mempunyai kesan psikoaktif. Manakala CBD tiada kesan psikoaktif berbanding THC (KKM, 2020).

Ganja didakwa memberikan kesan baik kepada manusia dan mempunyai kepentingan perubatan, antaranya dapat meningkatkan selera makan dan mengurangkan loya. Ia juga didakwa dapat mengurangkan kesakitan kronik bagi pesakit kanser, radang dan masalah kawalan otot. Sebahagiannya mempunyai kesan psikoaktif, manakala sebahagian yang lain tiada kesan psikoaktif dan tidak memberikan kesan "high". Ianya mungkin berguna untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan, mengawal serangan epilepsi, dan mungkin merawat penyakit mental dan ketagihan (KKM, 2020).

Dadah jenis ganja ini pernah dijadikan ubat penahan sakit suatu ketika dahulu. Sekiranya disalah guna, ia dapat menyebabkan mual, muntah, cirit birit, mata merah dan kekejangan. Pada dos yang tinggi pula, ia dapat menyebabkan khayal dan menjadikan penggunaanya tidak siaman. Dadah jenis ini tidak lagi digunakan sebagai ubat tahan sakit (*analgesic*) (Rafiqi, 2015).

Kajian saintifik menunjukkan terdapat kebaikan dalam ganja iaitu bahan kimia CBD. Antaranya (LTPM CHINA, 2019):

- i. Boleh melegakan kesakitan: CBD, terutama dalam kombinasi dengan THC, mungkin berkesan dalam mengurangkan kesakitan yang berkaitan dengan penyakit seperti *multiple sclerosis* dan *rheumatoid arthritis*.
- ii. Boleh mengurangkan kebimbangan dan kemurungan: Menggunakan CBD telah ditunjukkan untuk mengurangkan kebimbangan dan kemurungan dalam kajian manusia dan haiwan.
- iii. Boleh mengurangkan gejala berkaitan kanser: Walaupun CBD telah ditunjukkan untuk membantu mengurangkan gejala yang berkaitan dengan kanser dan rawatan kanser, dan bahkan mungkin mempunyai sifat kanser yang melawan kanser, lebih banyak penyelidikan diperlukan untuk menilai keberkesanan dan keselamatannya.
- iv. Boleh mengurangkan jerawat: CBD mungkin mempunyai kesan yang baik terhadap jerawat akibat sifat anti-radang dan keupayaannya untuk mengawal kelebihan pengeluaran sebum dari kelenjar sebum.
- v. Boleh mempunyai *neuroprotective*: Walaupun penyelidikan adalah terhad pada masa ini, CBD telah ditunjukkan untuk meredakan gejala yang berkaitan dengan epilepsi dan penyakit Parkinson. CBD juga ditunjukkan untuk mengurangkan perkembangan penyakit Alzheimer dalam ujian tiub dan kajian haiwan.
- vi. Baik untuk kesihatan jantung: Walaupun lebih banyak kajian manusia diperlukan, CBD dapat meningkatkan kesihatan jantung dengan beberapa cara, termasuk mengurangkan tekanan darah dan mencegah kerosakan jantung.

CBD telah dikaji untuk peranannya dalam merawat beberapa isu kesihatan selain dari yang digariskan di atas. Walaupun lebih banyak kajian diperlukan, CBD telah dianggap memberikan manfaat kesihatan khususnya sebagai antipsikotik yang membantu pesakit skizofrenia dan gangguan mental lain dengan mengurangkan gejala psikotik. Selain dapat digunakan untuk rawatan penyalahgunaan dadah, rawatan kesan anti-tumor dan pencegahan diabetes.

HUKUM PENGGUNAAN GANJA DALAM PERUBATAN

Al-Quran dan Sunnah menjadi panduan kepada manusia dalam segenap aspek kehidupan selain merupakan sumber utama bagi hukum syarak. Dalam konteks perubatan, terdapat beberapa prinsip yang dijelaskan dalam kedua-dua sumber ini (Rafiqi, 2015):

- i. Umat Islam dibenarkan, malah digalakkan untuk berubat.
- ii. Kaedah mengubati penyakit mestilah tidak sesekali bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.
- iii. Kuasa penyembuhan bagi segala penyakit adalah hak mutlak Allah SWT. Manusia hanya perlu berikhtiar dengan segenap upayanya bagi mencari penawar. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوُوا، وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

“Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan menurunkan juga ubatnya. Maka berubatlah kamu semua dan usah kamu semua berubat dengan perkara-perkara yang haram.” (Hadis riwayat Abu Daud)

Dalam menentukan keharusan penggunaan ubat yang mengandungi sumber haram seperti ganja, syarat-syarat untuk memastikan wujudnya situasi *al-darurah* perlu dipenuhi. Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama dan digunakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia adalah (Awang et al., 2019):

- i. *Al-darurah* benar-benar berlaku dan bukan sesuatu yang tidak pasti yang melibatkan lima aspek utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ataupun, ia akan berlaku secara pasti dengan berdasarkan kepada sangkaan yang kuat berpandukan pengalaman atau pengetahuan.
- ii. Seseorang yang berada dalam keadaan *al-darurah* itu bertentangan dengan perintah atau larangan syarak. Dalam masa yang sama, tidak terdapat sesuatu yang diharuskan oleh syarak untuk menghilangkan kemudaratan melainkan perkara yang ditegah atau diharamkan.
- iii. Usaha harus dilakukan untuk memastikan bahawa tiada sesuatu yang halal yang dapat merawat pesakit.
- iv. Pengambilan yang haram itu hendaklah sekadar memenuhi keperluan sahaja.
- v. Pada waktu pengubatan, pengambilan yang haram itu hendaklah disyorkan, dipastikan dan diperakui oleh seorang doktor atau pengamal perubatan muslim yang adil, diyakini amalan dan pegangan agamanya serta mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut.

Selain itu, fatwa oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan yang bertarikh 22 September 2022 telah menyentuh secara langsung hukum penggunaan ganja untuk tujuan perubatan. Hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-116 yang bersidang pada 1 April 2019 telah memutuskan seperti berikut:

1. Hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah haram kerana mendatangkan mudarat kepada tubuh badan manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2:195) yang bermaksud “... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”. Hal ini bertepatan dengan Kaedah *Fiqh* “Kemudaratan hendaklah dihilangkan”.

2. Walau apa pun perenggan 1, hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah harus bagi tujuan perubatan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:
 - (a) mendapat kebenaran daripada pihak yang berautoriti;
 - (b) mendapat pengesahan daripada dua (2) orang pakar perubatan; dan
 - (c) tidak digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.
3. Hal keadaan dalam perenggan 2 adalah bertepatan dengan Kaedah *Fiqh* “Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang terlarang”.
4. Bagi maksud Fatwa ini, kanabis ialah sejenis dadah yang berasal daripada pokok hem atau dikenali sebagai ganja dalam kalangan masyarakat umum.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati *al-darurah* merupakan keadaan luar biasa yang melahirkan hukum-hukum yang berbeza daripada hukum syarak dalam situasi biasa dan aman. Selain itu, terdapat tiga peringkat *al-darurah* yang diambil kira oleh syarak iaitu keadaan yang boleh menyebabkan kematian, kesempitan yang hampir kepada kematian dan peringkat keperluan yang boleh berubah kepada darurat. Akibat daripada berlakunya situasi *al-darurah*, ia menghasilkan hukum hakam berikut; pengguguran taklif, perubahan hukum dan kebenaran mengambil rukhsah. Bagi penggunaan ubatan yang mengandungi bahan yang haram, syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama dan pihak berautoriti hendaklah dipatuhi bagi memastikan wujudnya keharusan dalam penggunaannya.

Dalam menilai kewujudan *al-darurah*, pengetahuan dan pengalaman sangat diperlukan untuk mengelakkan berlakunya pengabaian terhadap penjagaan lima aspek utama oleh syarak atau perlakuan sesuatu yang haram tanpa ada keperluan. Oleh itu, saranan dan pandangan oleh pihak yang pakar dalam bidang perubatan sangat diperlukan untuk menentukan keharusan penggunaan ganja bagi tujuan rawatan kesihatan. Fatwa Wilayah Persekutuan telah mensyaratkan penggunaan ganja mestilah dengan perakuan oleh dua orang pakar perubatan.

Selain itu, undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pemerintah boleh menjadi penentu hukum sesuatu perkara. Ini kerana tanggungjawab pemerintah adalah menjaga kepentingan dan kemaslahatan rakyat sebagaimana kaedah *fiqh*, “tindakan atau keputusan yang diambil oleh pemerintah untuk rakyat berlegar kepada masalah”. Oleh itu, sesuatu yang boleh memudaratkan masyarakat perlulah dilarang dan ditegah manakala sesuatu yang boleh mendatangkan kebaikan kepada mereka hendaklah dibenarkan oleh pihak berkuasa. Bagi mengamalkan Fatwa Wilayah Persekutuan berkaitan ganja, ia terikat kepada akta-akta yang telah dikuatkuasakan seperti Akta Dadah Berbahaya 1952.

KESIMPULAN

Hukum syarak meraikan keadaan manusia pada apa jua situasi sama ada ketika aman dan tenang mahupun keadaan mudarat dan terdesak. Dalam situasi tenang dan mampu membuat pilihan, hukum syarak yang tetap perlu dipatuhi kerana ia memberikan kebaikan manusia. Manakala dalam situasi *al-darurah*, ia menyebabkan perubahan pada hukum atau diberikan kelonggaran dan keringanan supaya manusia dapat terlepas dari kesempitan. Ini menggambarkan sifat anjal yang ada dalam agama Islam dan menjadikan hukum syarak tidak kaku serta boleh diamalkan pada setiap zaman dan keadaan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan untuk pihak Universiti Islam Selangor (UIS) dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi UIS (RIMC) yang menyediakan dana penyelidikan Geran Penyelidikan Inovasi UIS (GPIU) bagi kajian ini (Kod Penyelidikan: 2022/P/GPIK/GPI-08/009)

RUJUKAN

- Al-Jizani, M. H. (2005). Haqiqah al-Darurah al-Syar'iyah. Majallah al-Maimunah.
- Al-Yubi, M. S. (1998). *Maqasid Syariah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Al-Zuhayli, W. (2006). *Mausu'ah Al-Quraniah Al-Muyassarah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Awang, M. Z., Halim, M. A. A., & Dahalan, H. M. (2019). Keperluan Clexane Dalam Perubatan; Satu Kajian Fiqh Kontemporari. *Kertas Kerja Di 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*. Bangi: FSU, KUIS.
- China, L. P. (2019, September 12). *Leadtop Pharmaceutical Machinery China*. Retrieved from <https://my.pharma-packing-machine.com/news/7-benefits-and-uses-of-cbd-oil-plus-si-de-ffe-27724765.html>
- Hehsan, M. R. (2015). *Q & A Fiqh Perubatan*. Selangor: PTS Islamika.
- Idris, Muhammad Amar Harith, Ramli, Anuar. (2018). Aplikasi Kaedah Fiqh “Al-Darurah Tuqaddaru Bi Qadariha” Terhadap Pengambilan Bantuan Makanan Oleh Gelandangan. *Journal of Fatwa Management & Research*.
- KKM. (2020, Mac 6). *Laman Portal Rasmi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia*. Retrieved from <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/soalan-lazim-kanabis-cannabis.html>
- Mustapha, A. M. (2021). Pendalilan Darurah Dalam Isu Muamalat Bagi Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Mustapha, Ahmad Murshidi; Junoh, Noraini. (2022). Konsep Darurah Dan Kaedah-Kaedah Fiqhiyyah Yang Berkaitan Dengan Darurah. *Jurnal Pengajian Islam*, 69-90.
- Siti Khaditijah Ismail, Ridzwan Ahmad, Khairul Afnan Khalid. (2016). Konsep Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha Dalam Inovasi Pakaian Bersalin Dari Perspektif Maqasid Syariah. *Jurnal Syariah*, 341-368.
- Temu bual bersama Informan 1, Universiti Islam Sains Malaysia. 13 Jun 2023